




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI RABU: 15 OKTOBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 4, 6, 9, 16 HINGGA 31)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3, 5, 7 DAN 8
10 HINGGA 15**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L
R. SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT : 15.10.2008
SOALAN NO. : 15

SOALAN:

Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bila SPAN akan buat audit prestasi (*performance audit*) terhadap Syabas memandangkan peningkatan tarif air sebanyak 37% pada Januari 2009. Adakah laporan audit prestasi (*performance audit*) akan dikemukakan kepada orang ramai sebelum tarif air meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menerima permohonan penyelarasan tarif air daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) bagi Tempoh Operasi 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2011. Pada masa ini, SPAN sedang menjalankan proses pengauditan ke atas prestasi SYABAS. Hasil penemuan audit tersebut nanti turut dibentangkan di Forum Air bagi membolehkan pengguna memberi ulasan dan pandangan ke atas prestasi SYABAS. Ulasan dan pandangan tersebut akan diambil kira sewajarnya oleh SPAN dalam mengesyorkan kepada Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi penyelarasan tarif air SYABAS.*

SOALAN NO: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK
(RASA)

TARIKH : 15 OKT 2008

SOALAN :

TUAN LOKE SIEW FOOK MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN BERAPA JUMLAH BATANG LAMPU JALAN YANG TELAH DIPASANG DI ANTARA PLAZA TOL NILAI UTARA DAN SEREMBAN, KOS SETIAP BATANG, JUMLAH PERBELANJAAN , SIAPA YANG MENANGGUNG PERBELANJAAN TERSEBUT, SIAPA KONTRAKTOR YANG MENJALANKAN PROJEK DAN JENIS TENDER YANG DILAKSANAKAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, BERIKUT ADALAH BUTIRAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN:-

- i) JUMLAH TIANG LAMPU BAGI NILAI UTARA – SEREMBAN ADALAH SEBANYAK 940 BATANG
- ii) KOS SEUNIT TIANG LAMPU (TIDAK TERMASUK KOS KABEL DAN LAIN-LAIN KOS) ADALAH SEBANYAK RM2,400.00 SATU BATANG TIANG.
- iii) KOS PROJEK SEPANJANG 22 KM INI ADALAH RM22.54 JUTA.
- iv) PROJEK INI ADALAH SEBAHAGIAN DARI KERJA-KERJA PELEBARAN LORONG KETIGA LEBUHRAYA SEREMBAN KE AYER KEROH. KERJA INI DI BERI

KEPADA PLUS SEBAGAI KONTRAKTOR DAN KOS
PROJEK INI DI TANGGUNG OLEH PIHAK
KERAJAAN.

NO: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO
[HULU RAJANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 15 OKTOBER 2008 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 19

SOALAN

Datuk Billy Abit Joo minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan cadangan jangka panjang Kementerian untuk mengurangkan '*dependency*' negara terhadap '*fossil fuel*'.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah memutuskan untuk beransur-ansur mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil yang semakin susut. Selain merupakan sumber tidak boleh diperbaharu, bahan api fosil juga tertakluk kepada harga pasaran yang sentiasa berubah. Untuk tujuan tersebut, Kementerian ini telah mengambil beberapa inisiatif dalam usaha mengurangkan kebergantungan (*dependency*) negara terhadap bahan api fosil atau *fossil fuel*, dengan izin, seperti berikut:

- i. Membangunkan projek-projek tenaga hidro yang masih terdapat di Semenanjung Malaysia seperti Projek Ulu Terengganu dan Ulu Jelai;
- ii. Membangunkan Projek Hidroelektrik Bakun dan Projek Sambungtara Kabel Bervoltan Tinggi Arus Terus Dasar Laut atau *High Voltage Direct Current* (HVDC) Sarawak-Semenanjung;

- iii. Mendapatkan bekalan elektrik daripada projek-projek hidro lain yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Sarawak;
- iv. Membangunkan projek-projek penjanaan elektrik yang menggunakan Tenaga Yang Boleh Diperbaharu seperti *biomass*, mini hidro, solar, angin dan lain-lain;
- v. Melaksanakan program *Energy Efficiency (EE) & Demand Side Management (DSM)*;
- vi. Memperkenalkan Program Janakuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharu (*Small Renewable Energy Project - SREP*) bagi menggalakkan perkembangan penjanaan tenaga elektrik yang boleh diperbaharu;
- vii. Mempertimbangkan tenaga nuklear sebagai sumber alternatif penjanaan elektrik;
- viii. Menggunakan teknologi seperti mini hidro dan solar hibrid bagi membekalkan elektrik kepada pengguna-pengguna di kawasan pedalaman dan terpencil daripada rangkaian sistem

penghantaran dan pembahagian seperti yang dilaksanakan di negeri Sabah; dan

- ix. Menggalakkan kajian dan pelaksanaan teknologi baru yang berpotensi untuk dibangunkan seperti *fuel cell technology*.*

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 15 OKT 2008

SOALAN :

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN EKORAN KONTRAKTOR MENARIK DARI PROJEK KERAJAAN ATAS SEBAB TIDAK MAMPU MENERUSKAN PROJEK KERANA KENAIKAN KOS PEMBINAAN, JUMLAH PROJEK DAN KOS YANG TERLIBAT.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

SAYA INGIN MEMOHON KEIZINAN TUAN YANG DIPERTUA UNTUK MENJAWAB SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT DARI KOTA MELAKA INI SERENTAK DENGAN SOALAN LISAN DARIPADA AHLI YANG BERHORMAT DARIPADA MACHANG BERTARIKH 3 DISEMBER 2008, YANG TURUT MEMBANGKITKAN SOALAN MENGENAI BILANGAN KONTRAKTOR YANG MEMULANGKAN KEMBALI *LETTER OF AWARD* KEPADA KERAJAAN EKORAN KETIDAKUPAYAAN MENANGGUNG PENINGKATAN KOS PROJEK DAN LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN BAGI MEMBANTU KONTRAKTOR.

UNTUK MAKLUMAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, SEMENJAK JANUARI 2008 SEHINGGA OGOS 2008, SEBANYAK 32 PROJEK KERAJAAN DENGAN NILAI RM92.8 JUTA TELAH DITAWARKAN OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA. BAGI PROJEK-PROJEK YANG

**DITAWARKAN INI, SEMUA KONTRAKTOR YANG
DISETUJUTERIMA TELAH BERSETUJU
MELAKSANAKAN KERJA DENGAN
MENANDATANGANI *LETTER OF AWARD*.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI-AHLI YANG
BERHORMAT JUGA, WALAUPUN TIADA
KONTRAKTOR YANG MEMULANGKAN KONTRAK
KERAJAAN YANG DITAWARKAN OLEH
KEMENTERIAN KERJA RAYA, LANGKAH-
LANGKAH UNTUK MEMBANTU KONTRAKTOR
DARI MENGALAMI KERUGIAN EKORAN
KENAIKAN HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN
TELAH TETAP DIAMBIL. ANTARA BENTUK
BANTUAN YANG DIBERIKAN ADALAH SEPERTI
DI DALAM SURAT PEKELILING
PERBENDAHARAAN BIL. 3/2008 IAITU:**

- 1. PAMPASAN MALALUI PELAKSANAAN
SYARAT PERUBAHAN HARGA DI DALAM
KONTRAK (*VARIATION OF PRICE*).**

LANJUTAN TEMPOH KONTRAK.

KEKERAPAN BAYARAN KEMAJUAN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO. SOALAN : 17
PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)
TARIKH : 15.10.2008

SOALAN:

Tuan Mohamed azmin bin Ali (Gombak) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah hasil pungutan zakat bagi tahun 2007 dan berapakah jumlah yang telah diagihkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pungutan zakat seluruh Malaysia bagi tahun 2007 ialah sebanyak **RM792,357,448.63** (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sembilan Puluh Dua Juta Tiga Ratus Lima Puluh Tujuh Ribu Empat Ratus Empat Puluh Lapan Ringgit Enam Puluh Tiga Sen) manakala jumlah agihan ialah sebanyak **RM558,381,343.25** (Ringgit Malaysia Lima Ratus Lima Puluh Lapan Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Satu Tiga Ratus Empat Puluh Tiga Ringgit Dua Puluh Lima Sen)

Lebih banyak pungutan zakat berbanding agihan mungkin dilihat agak ketara, ini disebabkan oleh:

Kebanyakan pembayar zakat membuat bayaran pada penghujung tahun (bulan Disember) dan bulan puasa (Oktober 2007) menyebabkan wang zakat tersebut tidak dapat diagihkan dalam tahun Masihi yang sama lantaran tempohnya yang singkat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)
TARIKH : 15.10.2008

SOALAN:

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta Menteri Pelajaran menyatakan kontrak untuk pembekalan buku-buku teks kepada sekolah-sekolah di Sabah tetapi masih tidak mencukupi, sehinggalah para pelajar meminjam buku-buku teks ini untuk difotostat. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan buku.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buku teks yang diedarkan di sekolah-sekolah adalah mencukupi. Jika berlaku kekurangan buku teks disebabkan pembukaan kelas-kelas tambahan atau perpindahan murid, maka sekolah tersebut boleh memohon pertambahan pembekalan buku teks daripada Jabatan Pelajaran Negeri.

NO: 19

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI BAHARUM
MOHAMED (SEKIJANG)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2008

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah peranan FELCRA Berhad dalam membantu masyarakat luar bandar khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

FELCRA Berhad berperanan untuk memaju, menyatu dan memulihkan tanah-tanah terbiar di seluruh negara untuk membantu masyarakat luar bandar dalam meningkatkan lagi pendapatan dan taraf hidup mereka.

FELCRA Berhad telah membangunkan tanah-tanah terbiar secara terancang dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Di samping itu, peserta-peserta juga akan menerima pendapatan tambahan melalui bayaran upah sekiranya mereka bekerja di ladang-ladang berkenaan. Seterusnya, FELCRA Berhad juga melaksanakan projek-projek ekonomi seperti ternakan, pembangunan akuakultur, ekonomi desa serta latihan dan kemahiran khususnya bagi peserta yang berpendapatan rendah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]
TARIKH : 15 OKTOBER 2008
SOALAN : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci, dari tahun ke tahun dalam penggal ke 11, daripada peruntukan sebanyak RM4,148,000.00 yang diberikan kepada bekas Ahli Parlimen Seremban penggal ke 11, bagaimana ianya dibelanjakan dan apakah projek-projek yang menerima hasil peruntukan tersebut.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2004 hingga 2007 sebanyak RM4,150,000.00 peruntukan khas telah disediakan untuk kawasan Parlimen Seremban. Daripada jumlah ini, sebanyak RM4,148,000.00 telah dibelanjakan bagi projek dan program untuk faedah rakyat di kawasan Parlimen tersebut. Projek dan program yang dilaksanakan adalah meliputi projek infrastruktur awam dan infrastruktur asas seperti

pembinaan/naiktaraf balairaya/dewan serbaguna, masjid/surau, gelanggang sukan, jalan raya/kampung, pagar, parit, longkang, bekalan elektrik, benteng/tembok, dan sebagainya. Selain itu, peruntukan khas ini juga turut digunakan bagi membiayai program sosial, kebajikan dan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Bilangan dan nilai projek/program yang dilaksanakan serta penerima faedah agihan peruntukan ini adalah seperti berikut :

PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN SEREMBAN TAHUN 2004-2007

PENERIMA AGIHAN	TAHUN 2004		TAHUN 2005		TAHUN 2006		TAHUN 2007	
	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH(RM)	BIL	JUMLAH(RM)	BIL	JUMLAH (RM)
Infrastruktur Awam	2	8,500.00	2	110,000.00	7	144,273.40	8	50,000.
Infrastruktur Asas	1	20,000.00			3	60,000.00	1	20,000.
Masjid/Surau	14	59,000.00	15	50,000.00	53	490,000.00	43	232,000.
NGO dan lain-lain	74	223,000.00	69	187,000.00	111	606,969.00	104	350,200.
PIBG	22	46,430.00	25	62,000.00	30	146,000.00	37	190,000.
JKKK	55	109,787.00	44	90,000.00	66	365,920.00	60	110,000.
Persatuan Penduduk	25	133,283.00	9	51,000.00	15	184,837.60	10	47,800.
JUMLAH	193	600,000.00	164	550,000.00	285	1,998,000.00	263	1,000,000.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 15 OKTOBER 2008
RUJUKAN : 1285

SOALAN :

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes kesalahan jenayah atas kegiatan peminjam wang "Along" dan berapa ramai peminjam yang terlibat serta mengakibatkan keretakan keluarga serta kehilangan nyawa"

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 15 OKTOBER 2008
RUJUKAN : 1285

SOALAN :

**Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes kesalahan jenayah atas
kegiatan peminjam wang "Along" dan berapa ramai peminjam yang
terlibat serta mengakibatkan keretakan keluarga serta kehilangan
nyawa"**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepanggar yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes kesalahan jenayah atas kegiatan pemberi pinjam wang "Ah Long" ialah 697 kes pada tahun 2006; 355 kes pada tahun 2007; dan 122 kes sehingga Julai tahun 2008. Ini menunjukkan penurunan kes setiap tahun dan setakat ini, Polis Diraja Malaysia berjaya mengawal kejadian-kejadian yang berunsur kekerasan akibat dari tindakan "Ah Long".

Mengenai persoalan kedua yang dibangkitkan, Kementerian tidak dapat memberikan jumlah sebenar peminjam wang yang terlibat, jumlah berlaku keretakan hubungan keluarga atau jumlah kehilangan nyawa akibat aktiviti "Ah Long" ini.

Sungguhpun demikian, pihak Kementerian melalui PDRM telah berjaya mengawal banyak kejadian yang berunsur jenayah kekerasan akibat daripada tindakan ganas "Ah Long". Mereka telah diambil tindakan dibawah Undang-Undang Pencegahan Ordinan Darurat, No. 5/69 dan Akta Kediaman Terhadap 1933.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)
TARIKH : 15.10.2008

SOALAN:

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan usaha-usaha yang efektif untuk membolehkan 7643 buah sekolah rendah dan 2165 buah sekolah menengah mencapai tahap Sekolah Bestari pada 2010 memandangkan hanya 25 buah Sekolah Bestari mencapai taraf lima bintang Smart School Qualification Standard (SSQS). Apakah masalah-masalah dan cara-cara untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha untuk meningkatkan bimbingan kepada pentadbir dan guru-guru dalam merancang strategi-strategi berkesan untuk pencapaian tahap sekolah bestari. Atas kesedaran ini, pihak kementerian telah mengadakan program berikut :

1. *On-site monitoring* (dengan izin) dimana *Subjek Matter Expert (SME)* (dengan izin) dibawah **Multimedia Development Corporation Sdn Bhd** (MDec) dan Pegawai Pembimbing SSQS KPM yang membantu sekolah merancang strategi-strategi bagi mencapai taraf sekolah bestari. Untuk pengetahuan YB, program ini telah pun berjalan pada tahun ini (2007).

2. *On-line monitoring (dengan izin)* dimana pemantauan dijalankan oleh Pasukan Petugas Kementerian.
3. Memberikan latihan seperti ICDL dengan kerjasama BPG kepada Guru-guru ICT.

Bagi sekolah-sekolah selain 88 buah Sekolah Bestari, usaha yang sama juga sedang berjalan dengan bantuan Pegawai Pembimbing SSQS yang dilatih kementerian. Untuk makluman, KPM telah membangunkan Sistem Penilaian SSQS (e-SSQS) untuk mengenalpasti masalah-masalah bagi mencapai tahap lima bintang/Sekolah Bestari menjelang 2010. Selain dari itu dibawah pelan strategik SSQS, KPM mensasarkan 4,000 buah sekolah diberi penarafan pada tahun 2008 dan 5,808 buah pada tahun 2009. Pada tahun 2010 pula, tumpuan akan diberikan untuk memperbaiki sekolah-sekolah yang bermasalah dalam mencapai penarafan tersebut seperti sekolah kurang murid, sekolah pendalaman, kurang kemudahan dan seumpamanya. Dengan kerjasama semua pihak KPM mensasarkan pada akhir tahun 2010, **semua sekolah-sekolah kerajaan akan mencapai taraf lima bintang atau dengan kata lain Sekolah Bestari.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH : 15 Oktober 2008

SOALAN :

Y.B. Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berikan butiran terperinci nama dan negeri asal tiap pemuzik di dalam Malaysian Philharmonic Orchestra; dan
- (b) berikan butiran terperinci gaji, elaun dan lain-lain kemudahan/bayaran bulanan/tahunan kepada setiap pemuzik dan dimanakah penginapan mereka dan kos yang ditanggung untuknya.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung soalan:

- (a) ahli-ahli muzik *Malaysian Philharmonic Orchestra* (MPO) adalah terdiri daripada gabungan ahli-ahli muzik tempatan dan luar negara yang dipilih melalui ujibakat-ujibakat yang dijalankan di serata dunia, berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka.

MPO kini mempunyai 85 pemuzik profesional bertaraf antarabangsa, yang mana 6 daripadanya adalah rakyat Malaysia dan selebihnya daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia, China, Jepun dan Rusia.

- (b) Untuk memastikan MPO setaraf dengan orkestra-orkestra simfoni antarabangsa yang lain, insentif-insentif seperti gaji yang kompetitif perlu ditawarkan bagi menarik para pemuzik profesional menganggotai MPO. Insentif-insentif ini adalah mengikut kadar pasaran di peringkat antarabangsa dan setanding dengan orkestra-orkestra simfoni lain di seluruh dunia seperti *Copenhagen Philharmonic Orchestra*, *Hong Kong Philharmonic Orchestra*, *New Zealand Symphony Orchestra* dan *Qatar National Symphony Orchestra*.

Dalam hubungan ini, sukalah juga dimaklumkan bahawa operasi MPO adalah dibiayai melalui kutipan jualan tiket dan penajaan daripada syarikat-syarikat korporat seperti ExxonMobil, Mitsubishi Corporation, Mitsui & Co. Ltd, Star Publications (Malaysia) Sdn. Bhd. dan beberapa syarikat lain. Hasil kutipan jualan tiket dan penajaan ini adalah mencukupi untuk membiayai operasi MPO.

NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2008

SOALAN:

Tuan Tony Puan Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab kuasa perlesenan syarikat pinjaman wang berada dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bukannya satu fungsi Kementerian Kewangan yang lebih berpengaruh dan berkepakaran dalam bidang kewangan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perniagaan pinjaman wang dan pajak gadai merupakan peninggalan (atau legasi) dari sistem pentadbiran terdahulu.

Perniagaan ini tidak diletakkan di bawah kawal selia Kementerian Kewangan ataupun Bank Negara Malaysia (BNM) kerana syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan tersebut tidak dibenarkan mengambil deposit dari para pelanggan. Untuk menjalankan perniagaan, syarikat-syarikat yang dilesenkan perlu mempunyai modal sendiri yang mencukupi untuk memberikan pinjaman. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan pinjaman wang dan pajak gadai tidak terdedah kepada ancaman kewangan yang boleh menyebabkan "economic risk" (dengan izin) atau ketidakstabilan kewangan, seperti yang terdapat pada bank-bank dan institusi kewangan komersil.

Sekiranya terdapat cadangan untuk memindahkan kuasa kawal selia syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan pinjaman wang dan pajak gadai ke Kementerian Kewangan, satu kajian yang menyeluruh perlu dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum sebarang keputusan diambil. Ini adalah kerana satu persetujuan perlu dicapai oleh pihak kementerian dan syarikat-syarikat tersebut mengenai tatacara pengurusan risiko kredit (credit risk management practise) yang dipraktikkan.

SOALAN NO. (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGAHARA)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGAHARA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan setiap rakyat dapat memiliki rumah di bawah program 'Satu Keluarga Satu Rumah' dalam menjamin kehidupan yang berkualiti.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan projek dalam usaha untuk menyediakan kemudahan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat di negara ini. Antara program dan projek yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk disewa dan dimiliki kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah;
- (ii) Menyediakan Skim Pinjaman Perumahan di bawah KPKT bagi mendapatkan kemudahan pinjaman kepada golongan sasaran bagi membina rumah di atas tapak tanah milik sendiri;

- (iii) Skim Rumah Mampu Milik dan Skim Rumah Mesra Rakyat yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah;

- (iv) Kerajaan juga telah mewujudkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah Kementerian Kewangan bagi menjamin pinjaman perumahan untuk golongan tidak mempunyai pekerjaan tetap untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan bagi membeli rumah PPR Dimiliki.

Selain daripada program-program di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) untuk memenuhi keperluan perumahan bagi golongan sasaran. Di samping itu, peranan pihak swasta turut diperlukan untuk memainkan

peranan dalam penyediaan perumahan bagi memenuhi permintaan.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Oktober 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 15 OKTOBER 2008

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos yang dibiayai oleh Kerajaan, dalam perkara Suruhanjaya Agung dalam kes video V.K. Lingam serta tindakan-tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Suruhanjaya Siasatan Mengenai Rakaman Klip Video Yang Mengandungi Imej Seseorang Yang Dikatakan Sebagai Peguam Bela Dan Peguam Cara Berbual Melalui Telefon Mengenai Urusan Pelantikan Hakim-Hakim bermula setelah penubuhannya diperkenankan oleh Yang Di Pertuan Agung pada 12 Disember 2007. Suruhanjaya ini telah diberi tempoh 3 bulan iaitu sehingga 11 Mac 2008 untuk menyelesaikan tugas siasatan tersebut. Walau bagaimanapun, suruhanjaya ini telah diberi perlanjutan tempoh sehingga 11 Mei 2008 bagi memberi masa yang cukup agar siasatan dapat dibuat dengan lebih menyeluruh dan adil. Suruhanjaya ini selesai menjalankan tugasnya setelah laporan siasatan mengenai rakaman klip video dihasilkan dan dipersembahkan kepada Yang Di Pertuan Agung pada 9 Mei 2008.

Sepanjang tempoh pelaksanaan tugas oleh Suruhanjaya, kos perbelanjaan yang dibiayai oleh Kerajaan adalah berjumlah RM780,207.00 meliputi bayaran emolumen atau gaji kepada ahli Suruhanjaya, kos pengangkutan barang-barang keperluan untuk digunakan di mahkamah, perhubungan dan utiliti, sewaan, penganjuran mesyuarat dan juga penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Pecahan kos perbelanjaan yang terperinci bagi Suruhanjaya adalah seperti berikut:

Kod	Kos Perbelanjaan (RM)
10000 Emolumen/Gaji	321,752.00
22000 Pengangkutan Barang-Barang	900.00
23000 Perhubungan/Utiliti	1,000.00
24000 Sewaan/Penganjuran Mesyuarat	44,765.00
28000 Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil	13,650.00
29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli	398,140.00
JUMLAH	780,207.00

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan keputusan Kerajaan supaya laporan tersebut dapat diketahui masyarakat umum, Laporan Suruhanjaya Siasatan Mengenai Rakaman Klip Video Yang Mengandungi Imej Seseorang Yang Dikatakan Sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Berbual Melalui Telefon Mengenai Urusan Pelantikan Hakim-Hakim ini telah dijual kepada awam bermula pada 20 Mei 2008 dengan harga RM541.00 bagi satu set lengkap yang mengandungi Jilid I, II, III dan IV. Setakat ini (sehingga 15 Ogos 2008) sebanyak 294 set/naskah telah dijual kepada orang awam.

Sekian, terima kasih.

NO: 27

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.10.2008 SOALAN NO: 27

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah pada tahun 2005 Kerajaan mengizinkan PROTON menjual saham MV Agusta sebanyak 57.75% (harga beli RM478 juta) pada harga kurang daripada RM5 kepada Gevi Spa, dan pada tahun 2007 saham tersebut telah dijual kepada BMW pada harga RM478 juta dan bagaimana proses pelantikan penilai Credit Suisse First Boston dilaksanakan dan berapa kos profesional dibayar kepadanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON pada Disember 2004 telah melabur 70 juta Euro (RM353 juta) di dalam syarikat pembuat motosikal Itali, MV Agusta Motors Spa (MVAM) dengan pegangan saham sebanyak 57.75%. Semasa pembelian saham ini dibuat, MVAM sedang menghadapi masalah kewangan dan mencatatkan kerugian.

2. PROTON pada awalnya merancang untuk memulihkan kedudukan MVAM, namun syarikat tersebut terus mencatatkan kerugian. PROTON sebagai pemegang saham majoriti perlu memperuntukkan sumber kewangan yang besar sekiranya berhasrat meneruskan perancangan memperbaiki kedudukan MVAM. Tanpa suntikan kewangan tambahan oleh PROTON, MVAM berhadapan dengan kemungkinan mufliis yang akan menyebabkan kerugian yang lebih besar kepada PROTON apabila perlu menanggung di antaranya, realisasi hutang yang dianggarkan melebihi RM1 bilion.

3. Pada masa yang sama, PROTON juga memerlukan sumber kewangan untuk memulihkan prestasi aktiviti utamanya iaitu pembuatan dan penjualan kereta keluaran PROTON. Berdasarkan keadaan kewangan dan kedudukan ini, Lembaga Pengarah PROTON telah memutuskan untuk melupuskan sahamnya dalam MVAM setelah mempertimbangkan secara terperinci kesan jangka pendek serta jangka panjang ke atas operasi, komersial dan kewangan Syarikat Kumpulan PROTON.

4. Keputusan pelupusan ini juga dibuat berdasarkan hasil kajian semula ke atas pelaburan PROTON dalam MVAM oleh beberapa buah syarikat antarabangsa bertauliah sebagai konsortium penasihat (*consortium of advisers*) termasuk syarikat Credit Suisse First Boston dan beberapa buah syarikat guaman dari Itali yang merumuskan empat perkara kritikal seperti berikut:

- i. model pemiagaan MVAM tidak boleh dikekalkan dari segi operasi dan kewangan;

- ii. pembangunan MVAM memerlukan pelaburan besar berterusan bagi tempoh yang lama daripada PROTON;
- iii. integrasi operasi MVAM dengan PROTON tidak akan memberi skala ekonomi yang besar atau sinergi; dan
- iv. terdapat kemungkinan MVAM akan jatuh mufils serta membawa risiko komersial, kewangan dan reputasi terhadap PROTON.

5. Pemilihan konsortium penasihat bagi membantu dan menasihati PROTON dalam usaha-usaha penilaian risiko berkaitan dengan pegangan ekuiti di dalam MVAM adalah berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

- a. jaringan dan pengalaman antarabangsa;
- b. pengalaman yang mendalam dalam industri automotif; dan
- c. pelbagai kepakaran di dalam bidang-bidang terbabit dan bukan hanya kepakaran dari segi penasihat kewangan (*financial adviser*).

6. PROTON juga telah mendapatkan khidmat penasihat ke atas nilai pelupusan saham yang wajar. Namun, memandangkan MVAM mempunyai dana pemegang saham yang negatif (*negative shareholders fund*), aliran wang tunai yang tidak mencukupi (*cashflow deficit*) dan juga menanggung kerugian berterusan (kerugian selepas cukai berjumlah 118.57 juta Euro bagi tempoh 6 tahun sehingga 31 Disember 2005), nilai jualan selain daripada nilai nominal adalah sangat sukar diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan pegangan PROTON dalam MVAM tidak boleh disamakan dengan transaksi penjualan Huqsvarna kepada BMW seperti yang dilaporkan memandangkan keadaan masa dan kandungan transaksi yang sangat berbeza. Sebagai contoh, jumlah liabiliti yang berkaitan dengan transaksi penjualan Huqsvarna tersebut tidak dilaporkan dengan jelas dan rasmi oleh pihak-pihak yang terbabit. Begitu juga dengan penjualan kepada Harley Davidson sebagaimana yang telah dilaporkan sebelum ini. Memandangkan PROTON tidak lagi mempunyai hubungan perniagaan dengan MVAM selepas pelupusan MVAM pada akhir tahun 2005, sebarang aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan nilai syarikat seperti *financial re-engineering* tidak dapat dipastikan secara menyeluruh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. P RAMASAMY A/L PALANISAMY
TARIKH : 15 OKTOBER 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : 28

Tuan P Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **Menteri Pengajian Tinggi** menyatakan mengapakah pihak pentadbiran Institut-institut Pengajian Tinggi Awam Negara enggan ataupun menunjukkan keberatan untuk mengambil kakitangan-kakitangan akademik dan juga kakitangan-kakitangan pentadbiran dari golongan bukan Bumiputra.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti ialah sebuah institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau setaraf dengannya. Pensyarah atau kakitangan akademik pula merupakan penggerak utama di dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan meningkatkan martabat Institusi Pengajian Tinggi negara.

Pengambilan pensyarah dan kakitangan pentadbiran di IPTA bergantung kepada kekosongan jawatan dan kepakaran **serta**

terbuka kepada semua warganegara. Di dalam hal ini, Kerajaan mengamalkan pelantikan pensyarah dan kakitangan akademik berdasarkan merit dan tidak berdasarkan kuota mengikut kaum. Syarat lantikan sebagai pensyarah di universiti ialah:

- i. warganegara;
- ii. berumur melebihi 18 tahun;
- iii. memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya di peringkat sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan; dan
- iv. mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

Di samping itu, Kerajaan melaksanakan pelbagai kaedah pengambilan bagi menghebahkan kekosongan jawatan dengan mengiklankan di media massa, hebahan melalui internet dan melaksanakan sistem pengambilan secara berpusat. Pemilihan kerjaya sebagai pensyarah adalah bergantung kepada kelayakan, kebolehan di samping minat yang tinggi untuk belajar dan mengajar.

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pelan tindakan dalam melaksanakan Konvensyen Antarabangsa Penyisihan Apa Juga Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC).

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah meratifikasi *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) atau Konvensyen Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita pada 5 Julai 1995. Untuk melaksanakan CEDAW secara holistik, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) digubal pada tahun 1997.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

Pelan ini menggariskan strategi untuk meningkatkan status wanita dalam 13 bidang keutamaan. Antaranya, bidang ekonomi, kesihatan, pendidikan dan latihan, undang-undang, media, serta perkongsian kuasa dalam menggubal dasar dan membuat keputusan. Penggubalan PTPW mengambil kira prinsip utama CEDAW iaitu tiada diskriminasi (*non-discrimination*) dan kesaksamaan substantif antara lelaki dan wanita.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil tindakan untuk mengemas kini PTPW bagi memastikan antara lain, unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita ditangani, termasuk dalam bidang perundangan, pekerjaan dan media. Selain itu, Pelan Tindakan ini memberi penekanan kepada usaha menghapuskan stereotaip gender dan keganasan terhadap wanita serta meningkatkan penglibatan wanita dalam proses membuat keputusan.

Selaras dengan prinsip tiada diskriminasi (*non-discrimination*), tindakan telah diambil untuk meminda undang-undang yang mempunyai unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita seperti berikut:

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

- i. **Perlembagaan Persekutuan** dipinda pada bulan Ogos 2001 yang memasukkan perkataan “gender” untuk menjamin supaya tiada sebarang diskriminasi berasaskan gender;
- ii. **Peraturan-peraturan Imigresen 1963** dipinda bagi membolehkan lelaki asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka secara tahunan dan wanita asing yang diceraikan atau tinggal berasingan dengan suami warganegara Malaysia boleh memohon pas lawatan secara tahunan. Sebelum ini pas lawatan sosial perlu diperbaharui 6 bulan sekali. Peraturan ini berkuatkuasa mulai 1 September 2001;
- iii. **Akta Pencen 1980** telah dipinda bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen terbitan mulai tahun 2002;
- iv. **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969** dipinda pada tahun 2005 bagi membolehkan bayaran pencen ilat kepada balu atau duda yang berkahwin semula dikekalkan;

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

- v. **Akta Tanah (Kawasan Penempatan) 1960** dipinda pada tahun 2002 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka yang memasuki tanah rancangan dan bersama-sama mengusahakan ladang menjadi pemilik bersama tanah berkelompok; dan
- vi. **Kanun Keseksaan** dipinda pada tahun 2006 bagi meningkatkan hukuman kepada pesalah rogol.

Selain itu, undang-undang berikut telah dikenal pasti untuk dikaji semula:

- i. **Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994** bagi memasukkan peruntukan mengenai langkah menangani gangguan seksual di tempat kerja. Kementerian Sumber Manusia sedang membuat pindaan ke atas akta-akta ini; dan
- ii. **Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005** bagi menangani isu-isu yang dikatakan mendiskriminasikan wanita termasuk isu poligami, pembayaran nafkah dan hak penjagaan anak.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

- i. Majlis Penyelarasan bagi Perlindungan Kanak-Kanak yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Majlis ini berperanan memberikan nasihat dalam aspek perlindungan kanak-kanak di samping menyelaraskan sumber pelbagai jabatan Kerajaan yang terlibat dalam perlindungan kanak-kanak; dan
- ii. Majlis Penasihat dan Perunding Negara bagi Kanak-Kanak ditubuhkan pada 1 September 2001. Majlis ini berperanan memberikan nasihat kepada Kerajaan tentang perkara berkaitan dengan dasar, arah tuju dan program untuk kanak-kanak selaras dengan CRC.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. Dato' Dr. JAMES DAWOS MAMIT [MAMBONG]

TARIKH : 15 OKTOBER 2008 [RABU]

SOALAN : YB. Dato' Dr. JAMES DAWOS MAMIT [MAMBONG] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada bekalan beras negara mencukupi untuk keperluan rakyat sampai bila-bila masa dan bilakah projek estet jelapang padi di Sarawak akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peningkatan harga beras di peringkat antarabangsa dan kekurangan bekalan telah menimbulkan cabaran dalam menjamin bekalan yang mencukupi. Untuk memenuhi kehendak ini, Kerajaan telah melancarkan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara dalam bulan April 2008. Pihak Kementerian telah merangka strategi melalui Pelan peningkatan pengeluaran beras negara dalam bulan Mei 2008. Pelan ini disediakan bertujuan untuk memastikan bekalan beras dalam negara stabil dan mencukupi untuk masa-masa akan datang.

Tahap Sara Diri (SSL) beras negara pada ketika ini adalah dalam lingkungan 73 % sahaja dan dijangka akan meningkat pada tahun 2010 kepada 86 %. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan melalui BERNAS telah mengimpot beras untuk kegunaan tempatan dan stok penimbal negara.

Pelan peningkatan pengeluaran beras yang dilaksanakan mulai tahun 2008 sehingga 2010 khusus untuk menangani kekurangan beras negara telah menggariskan aktiviti-aktiviti seperti penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saluran, perataan tanah sawah, pembekalan input pertanian bagi meningkatkan kesuburan tanah dan pembekalan input pertanian bagi kawalan makhluk perosak yang akan dilaksanakan dalam masa jangka pendek.

Terdapat 3 buah mini estet padi sedia ada yang dimulakan daerah Meradong, Bahagian Sarikei masing-masing pada tahun 2001 di Bundung Sian seluas 400 ha, tahun 2003 di Sungai Tulai seluas 460 ha dan Sungai Tekap seluas 226 ha yang dimulakan pada tahun 2004. Purata pengeluaran hasil ialah antara 2.0 MT - 5.0 MT / ha.

Jelapang padi yang berpotensi untuk dibangunkan dengan mini estet padi di Sarawak ialah seperti berikut :

Bahagian	Bil	Lokasi	Keluasaan (ha)	Priority ranking	Status/Remarks
1. Kuching	1.	Kpg. Simpok (Kawasan Tadon), Siburan	100	High	NCR land.
	2.	Kpg. Pueh, Biawak, Sematan	100	High	NCR land.
	3.	Sebandi DID Scheme	100	Low	NCR land.
	4.	Segedup Chupak DID Scheme	400	High	NCR land.
2. Sri Aman	5.	Stumbin, Tg. Bijat DID Scheme	1,200	Low	90% of area already planted with padi.
	6.	Empelanjau (Bangkong), Pantu	300	Top	Farmers quite responsive.
	7.	Rh. Sundok, Bua, Engkilili	200	Top	Fertile padi areas.
	8.	Paya Serangau, Merio, Engkilili	500	Top	Existing padi areas.
	9.	Rh. Sandai, Basi, Engkilili	100	High	NCR land.
	10.	Skrang Scheme, Engkilili	100	Low	NCR land.
	11.	Pulau Sejurut, Spaoh	120	Low	Existing padi area. Titled land.
3. Betong					

	12.	Stambak Ulu, Ili, Betong	150	Top	NCR land.
	13.	Kpg. Nyabor, Kabong DID Scheme	500	Low	NCR land.
	14.	Mengeris, Engkabang, Sg. Rumpit, Pangey, Kabong	100	Low	NCR land.
	15.	Kpg. Empelam, Kalaka, Kabong	100	Low	NCR land.
	16.	Sessang, Kabong	200	Low	NCR land
	17.	Lubok Nibong DID Scheme	230	High	NCR land.
4. Sibu	18.	Sg. Lengan	500	High	Existing padi areas.
5. Miri	19.	Rh. Bundan, Sg. Liam, 52 km. Miri/Bintulu Rd.	200	Low	NCR land.
	20.	Kpg. Masjid, Kpg. Pintasan, Bekenu	300	Low	NCR land.
6. Limbang	21.	Long Bemang	250	Low	
	22.	Bunut DID Scheme, Merapok	100	Low	
7. Sarikei	23.	Ng. Semah DID Scheme	100	Low	
	24.	Loba Semareng, Bintangor	300	Low	
	25.	Sg. Barrow, Bintangor	200		
	26.	Kedang land	100		
	27.	Sare, Sg. Meramat, Sg. Pasi	160		
8. Kapit	28.	Ng. Merit DID Scheme	160	Low	NCR land.
9. Samarahan	29.	Lbk. Bunting	200	Low	NCR land.
	30.	Lbk. Ipoi	200	High	NCR land.
	31.	Kg. Rebak	100	High	NCR land.
		TOTAL:	7,370		

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Dr. Siti Mariah Binti Mahmud

TARIKH: 15 OKTOBER 2008

SOALAN:

Y.B. Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewajibkan syarikat-syarikat besar atau pun jabatan-jabatan Kerajaan untuk mengambil pekerja dari kalangan thalasaemia dan memasukkan kumpulan ini dalam kuota OKU.

PR-1213-L15218

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan majikan atau syarikat-syarikat besar mengambil pekerja dari kalangan thalasemia bekerja di premis mereka. Di sektor swasta soal pengambilan pekerja adalah ditentukan mengikut keperluan majikan. Bagi pengambilan pekerja di sektor awam, calon-calon yang hendak dilantik ke perkhidmatan Kerajaan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan selaras dengan kehendak Perkara 19(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan 2005). Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang calon itu diperakukan tidak begitu sihat tetapi boleh dilantik untuk berkhidmat dengan Kerajaan oleh Pegawai

Perubatan berdaftar, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia tidak mempunyai apa-apa halangan bagi lantikan calon berkenaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Urusan bagi menentukan sama ada seseorang itu tergolong dalam kategori OKU adalah di bawah bidang tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKMM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada masa ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima pakai 6 kategori orang kurang upaya (OKU) iaitu kurang upaya fizikal, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, cerebral palsy, masalah pembelajaran dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, pesakit thalasaemia tidak dianggap sebagai OKU dan tidak boleh diambil kira dalam kuota bagi tujuan pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Talasemia merupakan sejenis keadaan genetik yang boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu pembawa talasemia dan pesakit talasemia. Pembawa talasemia merupakan orang yang sihat sejahtera tanpa mempunyai kecacatan fizikal atau mental. Pesakit talasemia pula, sekiranya dikesan awal dan diberikan rawatan sempurna sepanjang hayat (pemindahan darah dan ubat *chetaling agent*) disertakan dengan pematuhan dengan rawatan, mereka juga tidak mempunyai kecacatan fizikal atau mental dan sukar dibezakan dari orang awam lain. Mereka wajar diberikan peluang pekerjaan sama seperti orang awam lain dan tidak perlu digolongkan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU).